

26 AUG 2002

Mahathir-Penjajah (Bergambar)

PENJAJAH TAK AKAN PUTUS ASA UTK MENJAJAH SEMULA, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata penjajah tidak akan berputus asa untuk kembali menjajah negara ini walau apa cara sekalipun.

"Jangan fikir penjajah dulu sudah berputus asa. Mereka adalah seperti harimau belang yang tidak akan lupa dengan belangnya," katanya semasa berucap merasmikan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2002, di sini.

Menurut Dr Mahathir jika mereka tidak dapat menjajah semula secara ketenteraan, mereka boleh menggunakan cara lain seperti kata pepatah "tidak dapat tanduk telinga dipulas".

"Jagalah kemerdekaan ini daripada penjajahan semula," katanya.

Dr Mahathir berkata percubaan ini sudah dibuat pada tahun 1997 dahulu apabila mereka menjatuhkan nilai mata wang negara serta negara-negara jiran sehingga menjadi miskin.

Dr Mahathir berkata perkara penting dalam mempertahankan negara ialah menghargai kemerdekaan itu sendiri selain rakyat perlu bersatu padu seperti yang dilakukan semasa menentang Malayan Union tajaan penjajah British pada 1946.

Beliau berkata selain itu juga rakyat perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang sains, kejuruteraan dan pelbagai bidang profesional lain yang boleh menjadi kubu bagi mempertahankan kemerdekaan.

"Kalau perlu berperang kita akan berperang dengan kekuatan kita sendiri. Dengan ilmu yang kita ada barulah kita boleh mencipta senjata kita sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mungkin boleh mencipta senjata bermula dengan alatan kecil, tetapi akhirnya dengan semangat dan disiplin boleh mendirikan industri senjata sendiri.

Mempertahankan agama dan bangsa merupakan fardu kifayah terhadap umat Islam dan sekiranya kita menjalankan tanggungjawab mempertahankan kedua-duanya itu barulah kita mengikut ajaran Islam yang sebenarnya.

Menurut Dr Mahathir lagi orang yang percaya kemerdekaan kekal tanpa usaha untuk mempertahankannya boleh disifatkan sebagai pengkhianat kerana mengkhianati perjuangan pemimpin terdahulu yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan.

"Kalau kita tidak merayakannya besar kemungkinan kita lupa nikmat kemerdekaan apatah lagi mempertahankannya dan ini boleh menyebabkan kita dijajah semula," katanya.

Beliau juga mengingatkan supaya rakyat memperbaharui azam mempertahankan negara dengan penguasaan ilmu dan semangat kental supaya kemerdekaan berterusan selama-lamanya.

Sementara itu dalam majlis yang sama Dr Mahathir Mohamad mengumumkan esok sebagai hari cuti kepada warga UiTM supaya mereka boleh merayakan sambutan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2002.

Pengumuman itu dibuat selepas Dr Mahathir menyatakan rasa bangga beliau dengan kegigihan pelajar menjayakan majlis perasmian festival berkenaan dalam keadaan hujan di sini.

Kira-kira 15,000 pelajar menghadiri majlis itu yang turut disertai Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Khir Toyo dan Naib Canselor UiTM Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah.

Pengumuman itu disambut dengan sorakan gemuruh hadirin yang membajiri Stadium UiTM.

"Kalau tak sakit kerana demam, esok teruskan dengan program yang dirancang. Rayakan hari yang mulia ini (Merdeka) dan perbaharuilah azam," kata Dr Mahathir semasa mengakhiri ucapan perasmian festival itu.

Festival itu yang berlangsung sejak 22 Julai lalu akan berakhir pada 28 Ogos ini.

Antara program yang diatur sepanjang festival itu ialah Forum Tokoh Kemerdekaan, Program Kibarkan Jalur Gemilang, Malam Busaneka Malaysia dan Forum Wacana Patriotisme Alaf Baru.

-- BERNAMA